

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGGAI PETANI]**

TARIKH : **26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak Pandemik COVID-19 melanda negara, berapakah kos yang telah dibelanjakan untuk menghalang wabak ini dari menular.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sangat komited dalam meneruskan usaha memerangi penularan wabak COVID-19 di seluruh negara dan akan sentiasa memastikan barisan hadapan serta sistem kesihatan kita mempunyai dana yang mencukupi untuk melindungi rakyat daripada penularan wabak COVID-19. Sejak bulan **Februari 2020, pihak Kerajaan telah memperuntukkan lebih RM1.7 billion** yang digunakan bagi memerangi penularan wabk COVID-19 di negara ini. Peruntukkan tersebut telah disalurkan melalui 14 Kementerian dan Kerajaan Negeri. Perkara ini adalah termasuk;

- a. RM1 billion kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- b. RM250 juta kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA); dan

c. RM247 juta kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN).

2. Kerajaan tidak teragak-agak untuk menambah peruntukan kewangan sekiranya perlu untuk berbuat demikian terutamanya bagi memenuhi keperluan petugas barisan hadapan ataupun *frontliners* kita.

3. Berikutan situasi semasa pandemik ini di negeri Sabah, Kerajaan telah menyalurkan peruntukan tambahan sebanyak RM44 juta bagi memperkukuhkan barisan hadapan kita dan keperluan rawatan pesakit di negeri Sabah. Ini adalah meliputi penambahan peralatan perlindungan diri (PPE), bekalan perubatan dan kelengkapan perubatan seperti katil pesakit serta alat bantuan pernafasan atau *ventilators*.

4. Kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) baru-baru ini juga telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM50 juta kepada NADMA untuk menyokong usaha menangani penularan wabak tersebut. Kedua-dua peruntukan tambahan ini selaras dengan komitmen bagi memastikan kesiapsiagaan dalam menghadapi peningkatan jangkitan COVID-19 di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.